

KEPELBAGAIAN SUMBER ZAKAT MAL MUSTAFAD

Various Sources of Zakat Mal Mustafad

Mohd Sollehudin Shuib^{1*}

Mohamad Naimi Mohamad Nor²

Amirul Faiz Osman³

Raja Rizal Raja Iskandar⁴

Suhaimi Ishak⁵

Firman Shakti⁶

Mohd Ridzuan Hashim⁷

^{1,2,3,4}Institut penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM, Pusat Pengajian Perniagaan Islam UUM,

⁵Tunku Intan Syafinaz School of Accounting UUM,

⁶Universitas Islam Bandung

⁷Hong Leong Takaful Malaysia

*Corresponding author (Email: sollehudin@uum.edu.my)

Diterima: 11 Februari 2021, Diproses: 13 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

Abstract: Zakat Mal Mustafad is zakat on a person's acquired property. Each individual has a variety of sources of revenue from the primary and secondary jobs performed. So there is confusion for some people on the method of calculating zakat for property they acquire either needs to be calculated according to zakat income, business or can be calculated in one type of zakat. This study uses a qualitative method to look at the zakat policy of several states related to property which is considered as the acquisition property subject to zakat. Findings show that zakat mal mustafad is zakat that is calculated on various sources of revenue that need to be combined and calculated in one category of mustafad mall.

Keywords: Zakat Mal Mustafad, Qualitative, Property, Zakat Income

Zakat Mal Mustafad merupakan zakat ke atas harta perolehan seseorang. Setiap individu mempunyai pelbagai sumber perolehan dari pekerjaan utama dan kerja sampingan yang dilakukan. Jadi timbul kekeliruan bagi sebahagian orang kaedah pengiraan zakat bagi harta yang mereka perolehi sama ada perlu dikira mengikut zakat pendapatan, perniagaan atau boleh dikira dalam satu jenis zakat. Penelitian menggunakan kaedah kualitatif melihat polisi zakat beberapa negeri berkaitan harta yang dikira sebagai harta perolehan yang dikenakan zakat. Dapatkan menunjukkan zakat mal mustafad adalah zakat yang dikira ke atas pelbagai sumber harta perolehan yang perlu digabungkan dan dikira dalam satu kategori mal mustafad.

Kata kunci: Zakat Mal Mustafad, Kualitatif, Harta, Zakat Pendapatan

PENDAHULUAN

Zakat merupakan kewajipan utama selari dengan solat dan puasa. Zakat mula diwajibkan pada tahun kedua hijrah. Dalil kewajipan zakat jelas melalui firman Allah yang bermaksud:

“...Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui”

(Surah al-Taubah 103)

Zakat merujuk kepada satu amalan mengeluarkan sejumlah kecil harta tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Harta tertentu bermaksud harta yang layak dikeluarkan zakat seperti dari aktiviti perniagaan, penternakan, galian, mal mustafad, emas dan perak yang disimpan seseorang. Sumber zakat ini dikategorikan sebagai dua kategori utama zakat iaitu Zakat Harta dan Zakat Fitrah (Muaz, Norita & Fakhri, 2016). Harta ini mestilah cukup syarat haul (dipegang setahun) dan nisab (mesti lebih nilai 85 gram emas). Hasil zakat yang dikutip akan diagihkan kepada golongan tertentu yang telah disebut dan nas syarak antaranya diagih kepada fakir, miskin, muallaf, fi sabillah, riqab, amil, ibn sabil dan gharimin.

Al-Qaradawi dalam Fiqh Zakat membahaskan tiga jenis mal mustafad. Mal mustafad yang pertama adalah al-amalah iaitu harta yang diperoleh dari gaji dan upah hasil pekerjaan tertentu. Jenis kedua iaitu al athiyyah iaitu harta yang diperoleh dari bonus atau elaun tetap yang diterima secara tetap atau tidak. Jenis mustafad yang ketiga ialah al mazalim iaitu jenis harta yang disita secara tidak sah oleh penguasa terdahulu dan telah dianggap hilang oleh pemilik asalnya, kemudian dikembalikan oleh penguasa baharu (Qardhawi, 2002).

SOROTAN ZAKAT MAL MUSTAFAD DI MALAYSIA

Sumber zakat datang dari pelbagai hasil seperti peniagaan, penternakan dan hasil pendapatan dari mal mustafad. Harta mal mustafad ini merupakan satu sumber harta yang agak luas dan bukan hanya dari gaji sahaja. Menurut rujukan di laman web Zakat Selangor, zakat mal mustafad merujuk kepada zakat yang dikenakan kepada tiga jenis harta iaitu zakat dari pendapatan dan upah, zakat dari harta kerja bebas dan professional dan zakat dari harta mustaghallat. Termasuk dalam kategori mal mustafad adalah sebarang hasil bebas seperti sewaan, bonus, tuntutan lebih masa, gratuity, pampasan, pencen, komisyen, royalti, keuntungan unit amanah (Zakat Selangor, 2019) dan seumpamanya.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis membincangkan zakat getah dan sawit di bawah kategori zakat tanaman. Muzakarah Zakat Perlis kali ke 14/ 2014 telah mengekalkan fatwa bahawa zakat pertanian adalah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh manusia di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya sama ada berbentuk biji bijian dan buah buahan tertentu sahaja atau dalam sebarang bentuk lain yang diusahakan oleh mereka.

Kaedah pengiraan zakat ini menurut zakat Perlis adalah Hasil tolak kos pengeluaran dan tolak perbelanjaan asas diri dan keluarga. Nisab bagi zakat pertanian Perlis adalah berdasarkan zakat padi iaitu dua kunca satu nalih bersamaan RM 542.69 (semakan pada 2 Disember 2020) (<https://www.maips.gov.my>). Kadar zakat adalah 5%.

Penelitian dibuat dengan memilih beberapa pusat pengurusan zakat negeri dan bagaimana mereka mengkategorikan zakat ini. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menggunakan jenama Zakat Pendapatan bagi zakat mal Mustafad. Bagi LZNK, terdapat 4 kumpulan sumber zakat ini, iaitu hasil harta upah dan penggajian, harta dari pekerjaan bebas, harta dari hasil sewaan dan harta hasil dari sumbangan dan pemberian (Fatwa Zakat Pendapatan Kedah 1986), (web LZNK, 2020). Hasil pekerjaan bebas merupakan apa-papa hasil dari kerja profesional yang dijalankan seperti Harta hasil sewaan (mustaghallat) yang dikenakan zakat pendapatan pula adalah seperti hasil sewa bangunan, rumah, kilang, premis perniagaan, kenderaan dan peralatan. Hasil dari binatang seperti susu dan telur yang dijual juga masuk kategori ini. Harta hasil sumbangan dan pemberian yang dikenakan zakat pula adalah seperti harta hasil hibah, hadiah, saguhati, pencen pasangan, sedekah, pampasan dan harta wasiat.

Menurut Pusat Pungutan Zakat (PPZ), zakat pendapatan timbul dari konsep zakat mal mustafad (harta perolehan). Zakat mal mustafad mewajibkan zakat diambil dari mana-mana harta perolehan hasil dari usaha tanpa proses pertukaran (jual beli), seperti gaji, upah kerja, elauan, hadiah dan lain-lain. PPZ berpegang bahawa para fuqaha telah mewajibkan zakat ke atas pendapatan dan gaji kerana sifat hartanya yang berkembang dan bersifat perolehan. PPZ turut memetik maksud ayat Al-Quran dari surah Al-Baqarah ayat 267, “Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”. Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan di bawah seksyen 34 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] menyebut,

“...Zakat wajib dikeluarkan ke atas pendapatan daripada penggajian Islam termasuklah apa-apa upah, gaji, elauan, imbuhan dan bonus. Oleh itu adalah wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada penggajian tersebut”

Menurut Zakat Selangor, zakat mal mustafad merujuk kepada zakat yang dikenakan kepada tiga jenis harta Zakat dari pengajian dan upah – semua pendapatan yang diperolehi melalui gaji, upah, ganjaran, imbuhan dan sebagainya yang diperolehi oleh seorang pekerja dari majikannya sama ada semasa berkhidmat atau selepas pencen. Seterusnya Zakat dari harta kerja bebas dan profesional – semua pendapatan yang diperoleh melalui upah, bayaran, imbuhan, royalti, komisen dan sebagainya yang diperoleh dari hasil kerja bebas atau perkhidmatan profesional. Contoh lain antara seperti bayaran kerja profesional seperti peguam, arkitek, doktor, seni, pendapatan agen takaful, agen unit amanah dan agen jualan langsung, dan pendapatan kontraktor. Juga turut termasuk adalah Zakat dari harta mustaghallat – semua pendapatan yang diperoleh dari harta yang tidak diwajibkan zakat pada induknya (fizikal), tetapi mendatangkan hasil dengan cara sewaan seperti hasil sewaan rumah, premis dan seumpamanya dan juga hasil jualan dari binatang induk seperti telur, madu dan susu.

MUIPS merujuk zakat pendapatan sebagai zakat mal mustafad. Hasil perolehan harta ini adalah dari tiga sumber menurut MUIPS, iaitu harta pendapatan, harta hasil pekerjaan bebas dan harta hasil aset tetap. Harta pendapatan, gaji dan upah merupakan segala harta yang diperoleh dari majikan hasil dari usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikan

sama ada semasa berkhidmat atau selepas berkhidmat (pencen). Contohnya seperti gaji, upah, pencen, gratuity, insentif dan lain-lain. Harta hasil pekerjaan bebas merupakan segala pendapatan yang diperoleh seseorang hasil usaha sendiri dalam bentuk kerja bebas atau perkhidmatan profesional. Harta hasil aset tetap adalah harta yang mendatangkan pendapatan seperti melalui sewaan atau hasil jualannya. Termasuk dalam kategori ini hasil ladang getah dan sawit juga hasil ternakan seperti telur dan susu (MUIPS). Untuk individu yang mempunyai hasil pendapatan melalui hasil sawit dan getah, kita akan taksirkan pendapatan yang diperolehi itu dengan kiraan zakat pendapatan@mal mustafad. Sekiranya seseorang mempunyai syarikat khusus untuk meniagakan hasil sawit dan getah, maka beliau perlulah membayar zakat perniagaan.

Metodologi

Rekabentuk bagi kajian ini ialah kajian berbentuk kualitatif digunakan untuk mencapai objektif. Kaedah pengumpulan data perpustakaan dan temu bual atas talian atau emel kepada pengurusan zakat negeri terpilih digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat kajian. Kaedah ini amat sesuai kerana permasalahan dalam kajian ini memerlukan suatu eksploratori, pemahaman mendalam dan penggambaran kepada fenomena yang dikaji (Hair, Bush & Ortinau, 2003). Proses penyelidikan dan reka bentuk kajian melibatkan suatu siri pilihan membuat suatu keputusan yang rasional. Suatu kajian yang dilakukan boleh berbentuk penerokaan, penerangan atau digabungkan untuk menguji suatu hipotesis (Cavana, Delahaye & Sekaran (2001). Menurut Chua (2012), kajian dikendalikan bagi mencari jawapan bagi sesuatu persoalan menggunakan kaedah yang sistematik.

Dapatan

Sumber pendapatan bagi zakat mal mustafad adalah gaji, elaun, bonus, hasil sewaan, pusaka, hibah, hadiah dan dividen pelaburan.

Sumber Zakat mal Mustafad:

i. Gaji

Gaji menerupakan perolehan tetap atau bayaran tetap hasil bagi mereka yang bekerja dengan majikan. Seorang guru, pensyarah, doktor, kerani, pegawai tadibr, buruh dan apa sahaja yang menerima perolehan dari majikan, maka ianya dianggap sebagai gaji atau pendapatan. Gaji dibayar sama ada secara harian, mingguan dan bulanan. Gaji adalah bayaran secara berkala. Seseorang yang memperoleh gaji, setelah dicampurkan setahun hijrah, kemudian ditolak dengan perbelanjaan diri dan keluarga, maka lebihan perlu dikeluarkan zakat sekiranya lebihan tersebut melebihi nilai nisab semasa. Nisab semasa adalah berdasarkan nilai 85 gram emas semasa. Dalam nilai RM, nisab hari ini adalah sekitar RM 15,000.00. Zakat perolehan dari gaji ini boleh dibayar secara sekaligus atau secara potongan bulanan dengan pusat zakat negeri seseorang bekerja.

ii. Elaun

Elaun menurut kamus Dewan (elaun) merupakan bayaran yang diberikan kepada seseorang (oleh sesebuah organisasi) secara tetap (untuk melaksanakan sesuatu tugas). Terdapat pelbagai jenis elaun bagi seseorang pekerja seperti elaun makan, elaun

perumahan, elaun keraian, elaun perjalanan, elaun pusat asuhan anak, elaun susah payah, elaun sara diri dan elaun kerja lebih masa. Elaun ini diberi sekiranya kita terlibat dengan pekerjaan disebutkan seperti elaun perjalanan bagi pekerja yang melakukan perjalanan jarak jauh untuk tujuan kerja. Ada juga elaun yang diberi secara tetap bulanan kepada kakitangan sektor kerajaan seperti elaun perumahan dan elaun sara hidup. Bagi memudahkan pengiraan zakat, elaun ini boleh dicampur dengan gaji dan dikira sebagai jumlah hasil perolehan. Kemudian jumlah diperoleh ditolak kos kerja, perbelanjaan diri dan keluarga. Jika lebih mencapai nisab RM 15,000.00 maka dikenakan zakat. Kos kerja bermaksud kos tambahan dalam melakukan kerja seperti kos tambahan seperti kos kerja luar pejabat dan seumpamanya.

iii. Bonus

Bonus bermaksud bayaran tambahan selain gaji sebagai sagu hati kepada pekerja-pekerja. Setiap pekerja sektor kerajaan mahupun swasta biasanya diberikan bonus tahun atas pencapaian kerja dilakukan. Contohnya kerajaan Negeri Kedah memberikan bonus RM1,000.00 kepada kakitangan kerajaan. Dalam setahun biasanya bonus diberikan sekali sahaja bagi sektor kerajaan. Sementara bagi sektor lain, kemungkinan lebih dari sekali. Kaedah pembayaran zakat bagi hasil bonus ini adalah dengan mencampurkan bonus dengan gaji, kemudian ditolak perbelanjaan diri dan keluarga. Jika lebih mencapai nisab RM 15,000.00, maka dikenakan zakat pada kadar 2.5%.

iv. Hasil sewaan

Hasil sewaan bermaksud hasil yang diperoleh dari aktiviti sewaan yang dilakukan. Contohnya seseorang mempunyai sebuah rumah yang disewakan, maka hasil sewaan tersebut dikira sebagai hasil perolehan harta mustafad. Kaedah pembayaran zakat bagi hasil sewaan ini adalah dengan mencampurkan dengan gaji. Kemudian menolak perbelanjaan diri dan keluarga. Jika lebih mencapai nisab RM 15,000.00, maka dikenakan zakat pada kadar 2.5%. Pemilik rumah sewa yang memiliki sebuah atau dua buah biji rumah sesuai menggunakan kaedah ini. Begitu juga bagi mereka yang menyewakan kereta dan apa sahaja aset pada skala pendapatan sampingan. Sementara bagi pemilik sebuah apartmen yang menyewakan banyak bilik, maka mereka seeloknya mengira mengikut kaedah zakat perniagaan. Ini kerana aktiviti perniagaan sewaan tersebut menjadi sumber utama mereka.

v. Hibah

Hibah bermaksud pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik atau menghibahkan memberikan sesuatu pada masa si pemberi masih hidup. Hibah adalah satu bentuk pemberian seperti memberikan duit, kereta, rumah, tanah dan seumpamanya dengan memindahkan hakmilik barang tersebut dan secara sukarela. Jadi seseorang yang menerima hibah tunai dari mana-mana pihak perlu mengambil kira dalam pembayaran zakat mal mustafad mereka. Kaedah pembayaran zakat bagi hasil penerimaan hibah ini adalah dengan mencampurkan dengan gaji dan

peroleh mal mustafad yang lain seperti elaun dan bonus. Kemudian menolak perbelanjaan diri dan keluarga. Jika lebihan mencapai nisab RM 15,000.00, maka dikenakan zakat pada kadar 2.5%.

vi. Hadiah

Hadiah merupakan pemberian menyerupai hibah namun biasanya pada nilai yang lebih rendah. Hadiah adalah pemberian kerana penghargaan, untuk kenang-kenangan, sebagai penghormatan dan tujuan-tujuan lain. Contohnya pemberian hadiah sempena hari jadi, hari raya dan komitmen yang dintunjukkan. Seseorang menerima hadiah wang tunai RM500 contohnya kerana rajin meminjam buku dari perpustakaan. Maka nilai ini dicampur dengan pendapatan mal mustafad lain dan dikira dalam penjumlahan zakat pada kadar 2.5%.

vii. Pusaka

Pusaka adalah segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang meninggal kepada warisnya yang masih hidup. Terdapat pelbagai harta pusaka yang diterima seseorang seperti wang tunai, binatang ternakan, sawah padi, rumah, kereta dan saham syarikat. Jumlah yang diterima adakah sedikit dan ada yang menerima banyak bergantung kepada kekayaan seseorang. Sekiranya seseorang menerima pusaka dalam bentuk wang tunai RM 10, 000.00, maka nilai ini perlu dicampur dengan harta perolehan mustafad yang lain dan dikenakan zakat pada kadar 2.5%.

viii. Dividen Pelaburan

Dividen bermaksud bahagian keuntungan yang dibayar kepada pemegang saham syarikat. Bonus dividen tambahan yang berupa saham atau tunai kepada dividen yang telah diisyiharkan sebelumnya. Dividen yang diterima oleh pemegang saham yang berupa tambahan saham (bukan dalam bentuk tunai). Saham bonus, dividen dan dividen khas.

ix. Hasil Sawit

Hasil perolehan dari komoditi sawit merupakan hasil dari pekerjaan berkaitan sawit. Hasil sawit adalah seperti hasil kepada pemilik ladang sawit dan hasil upah pekerja di ladang sawit. Sebahagian rakyat Malaysia mengusahakan tanaman sawit dan memperoleh pendapat dari aktiviti ini. Mengikut teori ilmu mal mustafad, hasil sawit ini juga perlu dikenakan zakat. Sebagai contoh, seorang pekebun mempunyai 10 relong ladang sawit dan memperoleh pendapatan RM 10 000.00 purata setiap kali jualan. Maka pendapatan tahunan hasil sawit akan ditolak kos pengurusan dan perbelanjaan diri dan keluarga. Sekiranya lebihan bagi satu tahun hijrah melebihi nisab RM15,000.00, maka zakat mal mustafad dikenakan ke atas hasil perolehan sawit ini pada kadar 2.5%.

x. Hasil Getah

Hasil getah merupakan hasil yang diperoleh dari kebun getah. Sebahagian pekebun Malaysia terlibat dengan kebun getah dan memperoleh pendapatan dari getah melalui

penjualan sekerap getah, sus getah atau bekerja di ladang getah. Katakan seseorang mempunyai 8 relong ladang getah dan memperoleh pendapatan RM 3000.00 purata jualan sebulan. Maka pendapatan tahunan hasil getah ditolak kos pengurusan dan perbelanjaan diri dan keluarga. Sekiranya lebihan bagi satu tahun hijrah melebihi nisab RM15, 000.00, maka zakat mal mustafad dikenakan ke atas hasil perolehan getah ini pada kadar 2.5%.

xii. Hasil Dusun dan Nenas

Dusun merupakan ladang buah-buahan bagi rakyat Malaysia. Terdapat pelbagai pokok buah-buahan di dusun seperti durian, rambutan, dokong, cempedak, rambai, langsat, manggis dan pelbagai lagi. Setiap kali musim buah, sebahagian pemilik dusun memperoleh hasil dari buah-buahan dusun ini. Jadi hasil perolehan setiap kali musim buah ini perlu dicampur dengan dengan hasil mal mustafad yang lain dan dikenakan zakat pada kadar 2.5%.

Selain itu pengusaha nenas, sayur dan pelbagai tanaman kontan lagi boleh membayar zakat mengikut kaedah zakat mal mustafad ini. Ini kerana tanaman tersebut bukan makanan asasi rakyat Malaysia, maka boleh dikira sebagai pendapatan sampingan dan dikira zakat mengikut zakat mal mustafad.

Namun, sekiranya perusahaan pertanian mereka bersifat komersial, besar dan untuk tujuan utama perniagaan dan bukannya pendapatan sampingan, mereka seeloknya memilih untuk membayar zakat perniagaan.

KESIMPULAN

Konsep dan kaedah pengiraan zakat mal mustafad membantu pembayar zakat dalam membuat pengiraan zakat mereka. Kaedah ini amat sesuai bagi mereka yang memperoleh pendapatan dari pelbagai sumber. Contohnya seorang guru yang menerima gaji bulanan, dalam masa yang sama menerima hasil sewa rumah, mendapat bonus, lebihan moratorium, dividen pelaburan ASB dan pelbagai sumber lagi. Mereka boleh menggunakan kaedah pengiraan zakat mal mustafad bagi semua sumber perolehan mereka dalam membayar zakat. Bahkan hasil dari jualan bukan normal mereka juga seperti menjual nenas di tepi rumah (tanaman skala kecil mengikut adat setempat) boleh dijumlahkan dalam pengiraan zakat mal mustafad tanpa perlu dikira sebagai zakat perniagaan bagi hasil nenas tersebut.

PENGHARGAAN

Hasil kajian geran zakat oleh UUM-Lembaga Zakat Negeri Kedah.

RUJUKAN

- Cavana, R. Y., Delahaye, B.L., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research Qualitative and Quantitative Methods* (3rd ed.). John Wiley & Sons Australia.
- Chua, Yan Piaw (2012). Mastering Research Methods, Shah Alam, Selangor : McGraw-Hill.
- JF Hair Jr, RP Bush, DJ Ortinau (2003). Marketing research, McGraw-Hill/Irwin

Muaz, Norita & Fakhri (2016). Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat, Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)

Qardhawi, Y. (2002). *Fiqh al-zakah*. Beirut: Muassasat Al-Risalah,.

Zainon, S., Sanusi, Z. M., Ahmad, R. A. R., Bakar, Z. A., Jaafar, M. Z., & Tahir, H. H. M. (2014). New Improved Reporting Index of Corporate Social Reporting for Shariah-compliant Companies. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 145, 146-151.

Zakat Selangor, Memahami Harta Mal Mustafad,
<https://www.zakatselangor.com.my/keratan-akhbar/memahami-harta-al-mustafad/>